

# SARWAH

JURNAL PENCERAHAN INTELEKTUAL MUSLIM

**Melestarikan Syariat Islam Melalui Komunikasi  
Nonverbal**

Oleh: Muhammad Saleh, S.Sos.I. MA

**Telepon Seluler Dan Efektivitas Komunikasi Masyarakat  
Pedesaan**

Oleh: Abdul Mugni, MA

**Etika dan Profesionalisme Dilema dan Tantangan Bagi  
kebebasan Pers**

Oleh: Hamdani. AG, MA

**Hukum Pesanan, Identitas Tampilan; Sebuah Telah  
Pemikiran Islam Liberal**

Oleh: Saifuddin Duhri, Lc, MA

**The Concept of Motivation in Learning English  
as Second Language**

Oleh: Zurriyati, S.Ag., M.Hum

**Manajemen Dayah : Realita, Problematika, dan Cita-cita**

Oleh: Almuhajir, S.Ag, MA



**Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN)  
Malikussaleh-Lhokseumawe**

**2012**

DAFTAR ISI

<b>What Is Literature ?</b> Oleh : Elhafizh, Ss, M.Pd.....	1
<b>Pembangunan Berlandaskan Shirathal Mustaqim</b> Oleh : Kamaruddin M. Said dan Saifuddin M. Yunus.....	7
<b>Melestarikan Syariat Islam Melalui Komunikasi Nonverbal</b> Oleh : Muhammad Saleh, S.Sos.I. MA.....	19
<b>Hukum dan Kehidupan Sosial</b> Oleh : Kafrawi, MA.....	30
<b>Syariah Islamiyah : “Perkembangannya di Kedua Negara Tetangga dan Sistem Perlembagaan Hukum Syariah di Kingdom Of Saudi Arabia”</b> Oleh : Drs. A. Muthalib Hasan, MA.....	39
<b>Telepon Seluler dan Efektivitas Komunikasi Masyarakat Pedesaan</b> Oleh : Abdul Mugni, MA.....	48
<b>Etika dan Profesionalisme Dilema dan Tantangan Bagi Kebebasan Pers</b> Oleh : Hamdani. Ag, MA.....	58
<b>Hukum Pesanan, Identitas Tampilan; Sebuah Telaah Pemikiran Islam Liberal</b> Oleh : Saifuddin Dhuhri, Lc ,MA.....	71
<b>Komunikasi Persuasif Nabi Muhammad SAW Dalam Menyampaikan Nilai-nilai Keislaman</b> Oleh : Oknita, MA.....	79
<b>The Concept Of Motivation In learning English As Second Language</b> Oleh : Zurriyati, S.Ag., M.Hum.....	88
<b>Manajemen Dayah: Realita, Problematika, dan Cita-Cita</b> Oleh: Al Muhajir, S.Ag, MA.....	95
<b>Perilaku Anak Jalanan di Kota Lhokseumawe Dalam Perspektif Sosiologis</b> Oleh : Yuliza M, Si.....	110
<b>KONSEP KEPERIBADIAN DALAM ISLAM</b> Oleh : Drs. Hafifuddin M, Ag.....	123

ALAMAT REDAKSI  
JLN CEMPAKA NO 1 TELP (0645) 47267  
FAX (0645) 40329 LANCANG GARAM  
Website: WWW.Stainmal.go.id

**Kamaruddin M. Said\* dan Saifuddin M. Yunus\*\***

(Profesor pada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM, Malaysia)\*  
(Dosen Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik, Universitas Malikussaleh)\*\*

**Abstract:**

*This paper discuss the development that is based Shirathal Mustaqim. Terrace to the theory shirathal Mustaqim is faith and devotion. He must be built on the basis of piety (Taqwa Ussisa Ala) as there is in building democracy, education, economics or politics. Virtue is the key to the spirit of the shirathal Mustaqim. Islam the concept of consultation (shura) to take a deal. The concept of shura is not just important at election time leader, but also play a role in the governance system reigned. This concept emphasizes the need for cooperation and permesyuaratan shaped conversations between the government and the people in the government's decision in this case, this is real democracy. Cara implement Shirathal konsep Mustaqim in development based on Islam is to practice the democratic system of a certain character, honest, free of intimidation and oppression than the oppressors, and not against the people. Spirit of the Shirathal Mustaqim should be core to the model of democracy that we want to build. If it had not been able to do so we build democracy full of pretense and deception.*

**1. PENDAHULUAN**

Tulisan ini bukan ditujukan untuk masyarakat muslim di Indonesia atau Malaysia akan tetapi tulisan ini ditujukan untuk masyarakat antarabangsa. *Shirathal Mustaqim* adalah sebuah teori yang sangat tangguh dalam Islam dan telah tertanam dalam *Qalbu* masyarakat muslim di seluruh penjuru dunia. Ia telah merentasi sempadan negarabangsa. *Shirathal Mustaqim* adalah sebuah teori yang kita amalkan setiap hari. Sebagai muslim tentunya kita sentiasa melaksanakan Shalat lima waktu dan membaca *Ihdinas Shirathal Mustaqim* yang bermaksud; tunjukkanlah kami jalan yang lurus.

Pembangunan yang berlandaskan *Shirathal Mustaqim* adalah satu model pembangunan yang kita impikan selama ini, iaitu sebuah model pembangunan yang bebas daripada korupsi, kolusi dan nepotisme. *Shirathal Mustaqim* menjadi satu landasan yang sangat kuat dalam

kehidupan masyarakat madani. Pendidikan memiliki peranan penting dalam mendukung pembentukan masyarakat demokrasi dan berakhlak. Peran pendidikan adalah mempersiapkan anak bangsa baik secara individu maupun sosial, agar memiliki kemampuan, ketrampilan, etos kerja dan motivasi untuk dapat bersosialisasi dan berinteraksi dalam masyarakat.

**2. KONSEP PEMBANGUNAN, DEMOKRASI, AKHLAK DAN SHIRATHAL MUSTAQIM.**

**2.1. Pembangunan**

Pembangunan sering diartikan sebagai kegiatan untuk mengubah suatu kondisi kepada kondisi lebih baik yang menyangkut sikap, pola pikir dan kehidupan sosial ekonomi suatu masyarakat. Ia merupakan suatu proses yang menuju kearah pertumbuhan yang dapat mengubah keadaan atau situasi

sesuatu kawasan atau masyarakat. Contohnya kemunculan kota-kota baru, perumahan siap huni, perindustrian, gedung pencakar langit dan jembatan-jembatan besar.

Maimunah Ismail (1986) mendefinisikan pembangunan adalah suatu proses perubahan yang berlaku secara terus menerus dan menyeluruh, meliputi tiga unsur; pertama, yaitu pembangunan ekonomi, sosial dan kemanusiaan. Pembangunan sosial pula memberi peluang untuk menyediakan kemudahan sosial dan perkhidmatan seperti pelajaran, kesihatan, perumahan dan kebijakan. Kemajuannya tidak dapat diukur dengan cepat.

Sedangkan pembangunan manusia adalah hasil gabungan daripada pembangunan ekonomi dan sosial. Pembangunan manusia terlaksana secara individu atau kelompok melalui kesedaran mereka terhadap cara menggunakan manusia sebagai satu sumber yang memiliki potensi tinggi dalam membentuk masyarakat yang sejahtera. Jadi pembangunan adalah merangkumi pembangunan manusia dan pembangunan persekitaran fizikal masyarakat tersebut.

Dani Saleh dan Abdul Rahman Aziz (2003) berpendapat pembangunan adalah melibatkan proses penyusunan dan mengorientasikan semula sistem ekonomi dan sosial. Ini berarti bahawa pembangunan bukan sahaja melibatkan penambahan kepada pendapatan dan pengeluaran tetapi juga mempertimbangkan perubahan institusi sosial, struktur pentadbiran, pendapatan umum, adat resam dan kepercayaan.

Dari perspektif Islam tumpuan penting dari usaha pembangunan dan pergerakan utama kepada proses pembangunan adalah manusia. Setiap proses pembangunan harus bermula dengan moral, spritual, fizikal dan perkembangan mental manusia yang akan menjadi agen kepada fizikalnya sendiri dan lingkungan

sosial ekonomi. Manusia adalah agen perubahan yang aktif dan bertanggung jawab menentukan kejayaan atau kegagalan hidupnya baik di dunia maupun di akhirat. Dalam Islam proses pembangunan adalah multidimensi. Islam menekankan bahawa ruang operasi pembangunan adalah berkaitan dengan manusia, sifat-sifat manusia, insentif dan keinginan, sumber-sumber fisik, modal, kemahiran dan pendidikan.

Jadi dari perspektif Islam jika salah satu konsep pembangunan itu tidak betul, maka semua yang menyangkut konsep itu tidak akan betul. Ini adalah untuk menerangkan jika manusia sebagai agen pembangunan tidak menanamkan semangat yang mantap dan tidak mengamanahkan dirinya kepada akhlak yang mulia (*akhlakul karimah*) dan nilai-nilai etika maka tidak ada jaminan dia akan bertanggung jawab kepada tuhan dan kepada masyarakat dalam usaha untuk mencapai tujuan pembangunan.

### 2.2. Demokrasi

Demokrasi yang ingin dibincangkan dalam kertas kerja ini ialah demokrasi politik. Sedangkan demokrasi ekonomi yang kemudian disebut kapitalisme atau demokrasi sosial yang kita kenal dengan liberalisme tidak kita bincangkan dalam kesempatan ini. Inti daripada aspek politik demokrasi tersebut adalah hak setiap individu dalam sebuah bangsa untuk memilih pemimpin sesuai dengan aspirasinya dihormati. Tidak boleh ada yang memaksa mereka memilih pemimpin tertentu yang tidak dikehendaki. Ketentuan ini sesuai dengan ajaran yang digariskan oleh agama Islam melalui konsep Syura (permesyuaratan).

Konsep dasar pertama yang dapat mempertegas berlakunya sistem demokrasi adalah bahawa semua keputusan diserahkan kepada rakyat

melalui pemberian hak kepada rakyat untuk memilih sendiri siapa yang akan memimpin dan mengatur mereka (Yusuf al-Qaradhawy, 2009). Suatu bentuk kerajaan yang mana kuasa tertinggi terletak kepada rakyat dan dikendalikan secara langsung oleh mereka atau oleh perwakilan mereka yang dilantik secara bebas.

Pemberian kuasa tertinggi kepada rakyat ini harus tertakluk kepada beberapa semakan supaya tidak mudah terhakis menjadi anarki dan perebutan kuasa di dalam masyarakat itu sendiri. Cohen (1971) menyatakan demokrasi disifatkan sebagai kerajaan yang menerima sokongan majoriti. Sedangkan Parry (1969) menjelaskan bahawa kerajaan dalam suatu sistem demokrasi sememangnya adalah kerajaan rakyat, di mana ia mungkin juga untuk rakyat, tetapi ia tidak pernah dikendalikan oleh rakyat sebaliknya oleh kelas pemerintah.

Roger Trigg (2007) menyebutkan sebuah negara demokrasi adalah negara yang bertanggungjawab kepada rakyat, dan boleh disingkirkan oleh rakyat dalam pilihanraya. Pandangan bekas presiden Amerika Syarikat Abraham Lincoln sewaktu menjelaskan konsep demokrasi ketika di Gettysburg pada tahun 1963 amat popular dan digemari. Beliau mengungkapkan demokrasi sebagai "*government of the people, by the people, for the people*".

Diktum politik Lincoln ini digunakan hingga kini. Sukron Kamil (2001) mendefinisikan demokrasi sebagai satu bentuk pemerintahan dimana keputusan penting pemerintah atau garis kebijakan di belakang keputusan tersebut secara langsung atau tidak langsung hanya dapat terjadi jika disetujui secara bebas oleh majoriti masyarakat dewasa.

Oleh sebab itu, demokrasi hanyalah membenarkan sekumpulan, segolongan pihak untuk memerintah dan bukannya rakyat. Pendekatan elitisme

memang diperlukan dalam menjelaskan konsep "oleh rakyat" dalam demokrasi, iaitu pendekatan hukum pemerintahan minoriti ke atas majority, atau apa yang disebut oleh Robert Michels sebagai "*the iron law of oligarchy*" (Syed Ahmad Hussein, 1994).

Demokrasi yang ingin kita bincangkan di sini ialah demokrasi yang berlandaskan Islam. Islam mengenal konsep musyawarah (*syura*) untuk mengambil kata sepakat (*Wa Syawirhum Fil Amri*, surah Ali Imran: 159) yang bermaksud "hendaklah kamu bermusyawarah dalam setiap urusan". Konsep *syura* bukan sekedar penting pada waktu pemilihan pemimpin, tetapi turut memainkan peranan penting dalam sistem pemerintahan berkerajaan. Konsep ini menekankan perlunya kerjasama berbentuk perbincangan dan permesyuaratan antara pemerintah dengan rakyat dalam menentukan keputusan dalam hal pemerintahan. Atau ia juga bermaksud dalam soal pemerintahan, rakyat harus ikut serta dan bukannya pemimpin semata-mata.

Sistem demokrasi yang digalakkan oleh Islam ialah sistem demokrasi tanpa korupsi (*raswah*). Hari ini pemimpin-pemimpin negara sedang semangat melakukan kempen anti korupsi (*raswah*), sebab mereka yakin negara yang makmur dan adil akan dapat terwujud jika korupsi, kolusi dan nepotisme dapat dihapuskan. Oleh sebab itu kerajaan secara rasmi menubuhkan suruhan jaya pencegah raswah / komisi pemberantasan korupsi. Suruhan jaya ini diberikan mandat untuk mengawasi dan mengambil tindakan terhadap pelaku korupsi. Islam telah ribuan tahun yang lalu melarang perilaku korupsi, sebagaimana sabda rasulullah S.aw. *Arrasyi Walmurtasyi Finnar*, bermaksud: orang yang memberi sogok dan orang yang menerima sogok tempatnya dalam

neraka. Maka ketika hari ini negara memerangi korupsi dengan pelbagai cara, kita sebagai warga negara yang baik patut menyokong, karena konsep melawan korupsi telah lebih dahulu diperkenalkan oleh Islam.

Selain itu al-Quran mengancam diktator-diktator yang selalu berusaha mengendalikan rakyatnya, memimpinya dengan kejam dan sesuka hati, serta memaksa mereka secara sukarela atau dengan paksaan. Hal ini lazim dilakukan oleh penguasa-penguasa agar rakyat mengikut kehendak pemerintah. Oleh karena itu al-Qur'an mengancam seorang raja yang berkuasa pada zaman nabi Ibrahim AS yang dikenal sebagai Namrud.

Yusuf Al-Qaradhawy (2009) mengatakan bahawa para mufassir pernah menceritakan bahawa Namrud mendatangkan dua orang laki-laki dari tengah jalan dan kemudian keduanya dijatuhi hukuman mati. Lalu dia membunuh salah satu daripada keduanya dengan menggunakan pedang seraya berkata: Lihatlah, saya telah mematakannya. Sama dengan tindakan Raja Namrud adalah tindakan yang dilakukan oleh Firaun sebagaimana telah diceritakan dalam al-Quran surah al-Qasas ayat 4 yang bermaksud: "Sesungguhnya Firaun telah berbuat sesuka hati dimuka bumi dan menjadikan penduduknya berpecah belah, dengan menindas segolongan daripada mereka, membunuh anak laki-laki dan membiarkan anak perempuan mereka hidup, Sesungguhnya Firaun termasuk orang-orang yang berbuat kerosakan".

Kita dapat melihat bahawa dasar dan tujuan demokrasi dalam Islam adalah membebaskan rakyat yang tertindas daripada cengkaman rezim penguasa daripada berbuat sesuka hati dan mempertuhankan dirinya di muka bumi, serta membantu agar rakyat dapat hidup optimis dengan kepala dan dahi tegak dengan bersujud dan tunduk hanya

kepada Allah SWT yang telah menciptakan mereka.

### 2.3. Akhlak.

Akhlak dalam tradisi ilmu Barat dikenali sebagai etika dan moral. Dari sudut etimologi sarjana-sarjana Barat seperti Baelz (1977), Mackie (1971), Sidgwick (1968) merumuskan bahawa etika dan moral mempunyai makna yang hampir sama iaitu merujuk kepada adat, kebiasaan, susila, norma, tradisi dan agama seseorang. Manakala sebagai sesuatu disiplin ilmu yang tersendiri, ilmu moral atau etika merujuk kepada disiplin yang mengkaji pelbagai isu tentang tingkah laku manusia seperti kebaikan, keburukan, kebahagiaan, keadilan, kebebasan, tanggung jawab dan sebagainya.

Akhlak menurut Aristotle (1979) adalah merujuk kepada sesuatu yang terpahat kuat dalam jiwa seseorang manusia dan akhlak merupakan punca yang membolehkan beliau menguasai nafsu atau dikuasai nafsunya. Dalam jiwa manusia terdapat tiga entiti yang sentiasa beroperasi iaitu nafsu (*passions*), kekuatan (*faculties*) dan akhlak (*state of the character*). Seseorang akan menjadi baik dan berani jika nafsu marahnya sederhana, dan akan menderita jika dikuasai oleh nafsu marah yang melampau ataupun nafsu marah terlalu lemah. Nafsu marah yang melampau akan menyebabkan manusia menjadi angkuh, tamak, dengki dan zalim. Manakala nafsu marah yang lemah akan menyebabkan manusia menjadi penakut dan sebagainya.

Dalam Islam, moral dan etika dikenali sebagai "akhlak". Akhlak adalah istilah yang diambil dari al-Quran dan al-Sunnah. Al-Quran telah menggariskan secara komprehensif prinsip-prinsip umum akhlak dalam pelbagai bidang kehidupan

untuk dijadikan panduan oleh manusia (Muhammad Nasir Omar, 2010 dan Toshihika Izutsu, 2004). Dalam al-Quran Allah sendiri mengiktiraf keunggulan akhlak yang dimiliki oleh Rasulullah s.a.w melalui firmannya yang bermaksud: "Dan sesungguhnya engkau (Muhammad) mempunyai akhlak yang agung" (al-Quran, 68:4). Manakala Rasulullah s.a.w sendiri menegaskan dalam sebuah Hadits sahih bahawa misi utama kebangkitan beliau adalah untuk mereformasi akhlak manusia.

Dari sudut etimologi perkataan "akhlak" berasal dari bahasa Arab, kata jamak kepada perkataan *khuluq*. Akhlak merujuk kepada sifat semula jadi, tabiat, adat, kebiasaan, marwah, moral ataupun gaya hidup seseorang individu. Imam al-Ghazali (1976) mendefinisikan akhlak sebagai suatu disposisi (*hal*) yang mantap (*rasikhah*) dalam jiwa manusia dan dari disposisi itulah segala perbuatan terhasil dengan mudah tanpa melibatkan daya pemikiran dan deliberasi. Jika disposisi tersebut menghasilkan perbuatan yang mulia, iaitu perbuatan terpuji menurut pertimbangan akal dan syariat, maka disposisi tersebut dinamakan akhlak yang baik. Tetapi jika merealisasikan perbuatan buruk (atau perbuatan yang keji menurut pertimbangan akal dan syariat) maka disposisi kejiwaan tersebut dinamakan akhlak yang buruk.

Sepertimana yang disebutkan oleh Miskawayh (1966) akhlak merupakan suatu hal ataupun situasi jiwa yang mendorong seseorang insan melakukan sesuatu perbuatan dengan senang tanpa berfikir dan perencanaan yang rapi. Hal jiwa tersebut terbagi kepada dua jenis. Satu bersifat tabii dan semula jadi seperti seseorang yang cepat marah disebabkan perkara-perkara kecil, atau seseorang merasa takut untuk menghadapi sesuatu peristiwa remeh, seperti takut dengan bunyi bising atau takut dengan berita

yang didengar. Atau seseorang mudah ketawa keterlaluan disebabkan sesuatu perkara kecil yang diminati, atau mudah jatuh hiba dan berdukacita disebabkan sesuatu masalah kecil yang menimpa. Satu lagi jenis akhlak itu ialah situasi kejiwaan yang diperolehi oleh seseorang melalui adat kebiasaan dan disiplin diri. Akhlak jenis ini mungkin bermula dalam pemikiran dan deliberasi seseorang, tetapi lama kelamaan dan dengan sokongan amalan yang konsisten, ia beransur berubah menjadi tabiat dan akhlak seseorang.

Satu hal yang penting dalam Islam ialah membentuk manusia yang mempunyai moral pembangunan. Karena tiap-tiap pembangunan apa sahaja corak ragamnya harus dikerjakan dan dibangun oleh manusia yang mempunyai *spirit of the Shirathal Mustaqim*. Kalau tidak, maka bangunan itu akan hancur dan roboh dalam waktu yang tidaklama. Orang yang mempunyai *spirit of the Shirathal Mustaqim* dalam membangun dan mengerjakan sesuatu bangunan, ia akan mengerjakan dengan penuh hati-hati, cermat, mempergunakan bahan yang sebaik-baiknya serta jujur dan bertanggung jawab.

Dengan demikian bangunan yang dibangunpun akan bermutu tinggi serta mempunyai ketahanan dan tidak mudah hancur. Sebagai contoh kita dapat melihat gedung-gedung yang dibangun oleh kaum muslimin yang memiliki moral pembangunan dan *spirit of the Shirathal Mustaqim* pada masa dahulu kala, sampai sekarang bangunan tersebut masih berdiri tegak dengan megahnya, padahal sudah lebih seribu tahun, seperti Jami'ah Al-azhar di Mesir yang dibangun pada tahun 361 H /972 M dan Jamiyah Qurawyin di Marokko dibangun pada tahun 255 H/ 868 M (Manshuruddin Jabaidin Batu Bara, 2003).

Oleh karena itu membentuk manusia yang berakhlak pembangunan adalah suatu hal yang sangat penting. Manusia perlu dididik sejak kecil agar bermoral pembangunan sehingga ia dewasa. Untuk melahirkan manusia yang memiliki *spirit of the Shirathal Mustaqim* dalam pembangunan haruslah diadakan pendidikan pembangunan sejak dari kecil mulai dari sekolah, madrasah dan masyarakat umum. Dalam Al-Quran cara membentuk manusia bermoral pembangunan ialah dengan cara mengajak, menganjurkan dan menginsafkan manusia supaya suka membangun dalam segala bidang serta diterangkan faedah dan manfaatnya untuk kebahagiaan manusia.

Setelah Nabi Muhammad S.a.w hijrah ke madinah, maka yang mula-mula dilakukan oleh Nabi adalah membangun Masjid. Bangunan yang di Bina oleh Nabi S.a.w tersebut sampai hari ini masih kukuh dan berdiri tegak. Hal itu disebabkan pembangunan itu diasaskan dengan taqwa (*Ussisa 'Alat Taqwa*) dan Nabi Muhammad S.a.w adalah tokoh pembangunan yang memiliki *spirit of the Shirathal Mustaqim* yang sangat kental.

Demikian juga halnya membangun demokrasi dalam negara bangsa *spirit of the Shirathal Mustaqim* harus menjadi teras kepada model demokrasi yang ingin kita tegakkan. Kalau hal itu belum sanggup kita lakukan maka demokrasi yang kita bangun penuh dengan kepura-puraan dan kedustaan.

Konsepsi moralis-moralis di atas pada umumnya dapatlah dirumuskan bahawa akhlak merujuk kepada suatu kondisi (hal/state) yang terbentuk secara mantap dalam jiwa (al-nafs/soul) setiap insan. Kondisi tersebut merupakan dimensi rohaniah yang sangat penting kerana ia menjadi punca kepada semua perbuatan yang dilakukan oleh insane

tersebut. Jika ia memandu seseorang merealisasikan perbuatan yang baik seperti amanah, sabar, adil, berani, sederhana dan sebagainya maka seseorang boleh dikatakan mempunyai akhlak yang baik. Dan begitulah sebaliknya, seseorang akan dilabel tidak berakhlak jika kondisi jiwa tersebut merealisasikan perbuatan yang jahat seperti riyak, angkuh, tamak, munafik, penakut, zalim, kedekut, melampaui batas dan seumpamanya.

#### 2.4. Shirathal Mustaqim

Konsep *Shirathal Mustaqim* adalah diambil dalam Al-Quran surah Al-Fatihah ayat 6, iaitu; *Ihdinas Shirathal Mustaqim*. Yang bermaksud bimbing (antar) lah kami (memasuki) jalan lebar dan lurus. Kata *Shirath* ditemukan dalam al-Qur'an sebanyak 45 kali. Kesemuanya dalam bentuk tunggal, 32 kali di antaranya dirangkaikan dengan kata *mustaqim* selebihnya dirangkaikan dengan berbagai kata seperti *as-sawi*, *sawa'* dan *al-jahim* (M. Quraisy Syihab, 2010). Kata *Shirath* berbeza dengan kata *sabil* yang juga sering kali diterjemahkan dengan kata jalan. Kata *sabil* yang berbentuk jamak seperti *subul as-salam* (jalan-jalan kedamaian) ada pula kata tunggal yang dinisbahkan kepada Allah seperti *sabilillah*, atau kepada orang bertaqwa, seperti *sabil almuttaqim*. *Shirath* bagaikan jalan tol. Anda tidak dapat lagi keluar dan tidak tersesat setelah memasukinya. Bila memasukinya anda telah ditelan olehnya dan tidak dapat keluar kecuali setelah tiba pada akhir tujuan perjalanan.

*Shirath* adalah jalan yang lurus, semua orang dapat melaluinya tanpa berdesak-desakan. Berbeza dengan *sabil*, dia banyak namun jalan yang kecil dan berupa lorong-lorong. Tidak mengapa anda menelusuri *sabil* asal pada akhirnya anda menemukan jalan tol, iaitu jalan yang



luas lagi lurus tersebut. Apa yang dikemukakan ini mengantarkan seorang muslim untuk berlapang dada menghadapi perbezaan *sabil* atau pendapat dan pandangan selama pandangan itu dapat mengantarkan ke *ash-shirath al-mustaqim*.

*Shirathal Mustaqim* adalah jalan luas, lebar, dan terdekat menuju tujuan. Jalan luas lagi lurus itu adalah segala jalan yang dapat mengantar kepada kebahagiaan dunia dan akhirat. Karena itu harta kekayaan yang halal dapat mengantar kepada kebahagiaan dunia dan akhirat. Jika demikian, maka ia adalah bahagian dari kandungan *ash-shirath al-mustaqim* yang dimohonkan di sini. Demikian juga halnya ilmu pengetahuan, kekuasaan, kesihatan dan lain-lain pada akhirnya segala tuntutan dan ajaran agama merupakan bahagian tuntutan surah al-fatihah ayat keenam ini.

Syeikh Abu Bakar Jabir Al-Jazairi (2010) Dalam tafsir Al-Aisar menjelaskan makna *Shirathal Mustaqim* adalah jalan menuju ridha Allah iaitu jalan yang tidak melenceng dari kebenaran dan tidak menyimpang dari petunjuk. Secara umum dapat difahami, seorang hamba berdoa kepada Allah di tengah-tengah saudaranya seiman, setelah bertawassul kepada-Nya dengan pujian, sanjungan dan pengagungan serta janji kepada-Nya untuk tidak menyembah dan tidak meminta pertolongan kecuali hanya kepada Allah. Maka mereka pun memohon kepada Allah agar Allah sentiasa memberi petunjuk-Nya untuk selalu istiqamah dalam Islam, sehingga mereka tak terputus dari-Nya. Di antara petunjuk yang terkandung dalam ayat ini adalah motivasi untuk sentiasa berdoa dan merendahkan diri di hadapan Allah.

Al Imam Ibnu Katsir (2005) menjelaskan bahawa yang dimaksud dengan "jalan yang lurus" itu adalah agama Islam. Agama Islam dalam

pengertian yang lebih luas daripada semua yang ada di antara langit dan bumi. Ibnu Hanafiyah menjelaskan maksud daripada "tunjukilah kami jalan yang lurus" (al-Fatihah: 6), adalah agama Islam yang merupakan satu-satunya agama yang diridhai oleh Allah SWT. Imam Abu Ja'far Ibnu Jarir menjelaskan bahawa pengertian dari "tunjukkanlah kami jalan yang lurus" ialah berikanlah kami taufik keteguhan dalam mengerjakan semua yang engkau ridhai dan semua ucapan serta perbuatan yang telah dilakukan oleh orang-orang yang telah engkau berikan nikmat taufik di antara hamba-hamba-Mu. Yang demikian itu adalah *Shirathal Mustaqim* (jalan yang lurus).

Dikatakan demikian karena orang yang telah diberikan taufik untuk mengerjakan semua perbuatan yang pernah dilakukan oleh orang-orang yang telah mendapat nikmat taufik dari Allah dan di antara hamba-hamba-Nya, yakni dari kalangan para Nabi, para siddiqin, para syuhada, dan orang-orang yang saleh berarti ia telah mendapat taufik dalam Islam, berpegang teguh kepada *kitabullah*, mengerjakan semua yang diperintahkan oleh Allah dan menjauhi larangan-larangan-Nya serta mengikuti jejak Nabi S.a.w, dan jejak empat khalifah sesudahnya dan jejak setiap hamba yang saleh.

Semua yang telah disebutkan di atas termasuk dalam pengertian *Shirathal Mustaqim* (jalan yang lurus). Jadi teori *Shirathal Mustaqim* adalah sebuah teori yang sangat hebat dan sangat mudah untuk kita implementasikan sebab ia hanya memerlukan modal kejujuran.

### 3. DEMOKRASI DAN HUBUNGAN-NYA DENGAN ISLAM

Islam dan demokrasi dilihat berkongsi semangat di atas beberapa prinsip tertentu. Persamaan ini sebenarnya telah mewujudkan konsep demokrasi

Islam. Hal ini menunjukkan bahawa Islam memiliki unsur-unsur demokrasi dalam pengalamannya, terutama dalam soal pemerintahan dan kepemimpinan.

Walau bagaimanapun ini tidak bermaksud Islam dan demokrasi mempunyai persaaan total, dan jauh untuk menyamakan Islam dengan demokrasi. Ini kerana kita mengetahui Islam merupakan cara hidup yang sempurna dari Allah s.w.t sedangkan demokrasi tidak lebih daripada sistem sosial atau ekonomi ciptaan manusia yang mempunyai kelemahan dan kekurangan (Mohd Izani, 2007).

Dalam pembahasannya tentang demokrasi, alangkah baiknya jika kita bicarakan pendapat Islam tentang demokrasi. Pemikiran-pemikiran yang berbicara tentang demokrasi telah terbahagi ke dalam beberapa kumpulan yang berbeza.

**Pertama**, mereka yang menolak demokrasi atas nama Islam. Kumpulan ini melihat bahawa demokrasi dan Islam adalah dua hal yang bertentangan yang tidak akan pernah dapat bertemu.

Mereka beralasan: Islam berasal daripada Allah sedangkan demokrasi berasal daripada manusia, demokrasi bererti kekuasaan daripada rakyat untuk rakyat sedangkan Islam adalah hukum Allah, demokrasi ditentukan oleh suara teramai padahal belum tentu suara teramai merupakan kebenaran, demokrasi adalah perkara baru yang termasuk dalam katagori bid'ah dalam agama sebab generasi Islam sebelumnya tidak mengenal sistem demokrasi.

Kumpulan ini beranggapan bahawa demokrasi produk bangsa barat yang beragama kristian atau beraliran sekular, mereka tidak mempercayai adanya kekuatan agama terhadap kehidupan dunia. Mereka adalah orang-orang kafir yang tidak percaya kepada kenabian, ketuhanan dan adanya pembalasan.

Kerana alasan-alasan di atas kemudian dengan tegas mereka menolak demokrasi, mereka juga menentang orang beragama Islam yang membela dan berpegang kepada demokrasi.

**Kedua**, mereka yang menerima demokrasi secara total. Kumpulan ini beranggapan bahawa demokrasi barat adalah satu-satunya penyelesaian yang tepat untuk mengatasi masalah negara, rakyat dan tanah air. Mereka menerima demokrasi barat tanpa pilih bulu, termasuk sistem kemasyarakatan yang liberal, ekonomi kapitalis dan politik bebas. Mereka tidak mengenal sempadan apapun terhadap demokrasi, mereka ingin menciptakan demokrasi di tanah air mereka persis seperti praktik demokrasi di negara-negara barat.

Demokrasi yang tidak berdasarkan pada akidah, tidak mengenal adanya ibadah, tidak mahu tunduk pada syariat dan tidak mengakui adanya norma-norma sosial. Bukan hanya itu demokrasi barat bahkan berusaha memisahkan ilmu pengetahuan, ekonomi, politik dan praktik perang daripada tuntunan nilai-nilai akhlak. Inilah logika kaum barat yang didakwahkan sejak dahulu.

**Ketiga**, kumpulan moderat dan seimbang. Kumpulan ini menyatakan bahawa unsur positif dalam demokrasi atau inti daripada demokrasi itu sendiri pada hakikatnya adalah sebuah pemikiran yang sesuai dengan ajaran Islam. Kita mengetahui bahawa intipati daripada demokrasi adalah hak rakyat untuk memilih siapapun pemimpinnya. Tiada siapa boleh memaksa mereka untuk tunduk kepada seorang pemimpin yang mereka benci atau mereka tolak, iaitu seorang pemimpin yang mencengkram kekuasaannya terhadap mereka dengan menggunakan pedang atau kekerasan represif.

Intipati demokrasi juga berarti pentingnya perangkat-perangkat pemerintah yang memungkinkan rakyat ramai melakukan penilaian terhadap pemerintah dan penguasa, meluruskan jalan yang bengkok, dan mengembalikan pemimpin ke jalan yang benar yaitu *Shirathal Mustaqim*.

Juga perangkat-perangkat yang memungkinkan rakyat untuk memberi peringatan keras kepada pemimpin-pemimpin apabila mereka tidak mahu mendengarkan aspirasi rakyat, bahkan memungkinkan rakyat untuk menurulkannya dengan jalan damai.

Cara mengimplimentasikan konsep *Shirathal Mustaqim* dalam pembangunan berlandaskan Islam adalah dengan mengamalkan sistem demokrasi yang berakhlak, jujur, bebas daripada intimidasi dan penindasan serta tidak zalim terhadap rakyat.

#### 4. AL HISBAH SEBAGAI PELAKSANA KONSEP SHIRATHAL MUSTAQIM

Wabah Az-Zuhaili (2011) menjelaskan bahawa *Al-hisbah* adalah sebuah fungsi dan tugas keagamaan yang termasuk bahagian dari kategori amar makruf nahi mungkar yang menjadi kewajiban bagi orang yang memegang urusan-urusan kaum muslimin dengan menunjuk orang yang menurutnya mempunyai kapasiti dan kapabiliti untuk menjalankan tugas tersebut sehingga hukum amar makruf nahi mungkar bagi orang yang ditunjuk tersebut berubah menjadi fardhu 'ain.

Dalam menjalankan tugas dan perannya, ia mengambil sejumlah orang yang akan membantunya dalam menjalankan tugas dan perannya itu, melakukan penyelidikan terhadap tindakan-tindakan kemungkaran memberi takzir dan sanksi hukum sesuai dengan kadar

kemungkaran yang dilakukan, mendorong masyarakat untuk mematuhi dan menjaga kemaslahatan – kemaslahatan umum, seperti mencegah tindakan-tindakan gangguan di jalan-jalan, mencegah para pemilik transportasi angkutan supaya tidak mengangkut lebih dari pada kapasiti yang semestinya, memerintahkan para pemilik bangunan yang berpotensi roboh untuk segera membongkarnya dan menyingkirkan hal-hal yang akan menyebabkan kecelakaan bagi pengguna jalan.

Al-Qur'an dan Sunnah sebagai pegangan hidup dalam Islam banyak berbicara tentang konsep pengawasan. Hal ini tidak terlepas dari dua konsep pokok, iaitu *amar ma'ruf* dan *nahi munkar*. Dalam surat al-Taubah ayat 105 misalnya dikatakan bahawa "Allah melihat semua perbuatan yang dilakukan manusia", surat Al-Mu'min ayat 19 menyatakan "Allah mengetahui semua pengkhianatan mata seseorang dan mengetahui apa yang tersembunyi dalam hatinya", surat al-Zalzalah ayat 7-8 menyatakan bahawa; Allah mengetahui kebaikan dan kejahatan yang dilakukan manusia walau sebesar zarah; dan masih banyak lagi ayat yang memiliki makna yang sama".

Auni bin Haji Abdullah (2000) menyebutkan para ulama mengklasifikasikan konsep di atas menjadi empat tahapan: pertama, pengawasan diri (al-raqabah al-dhatiyat), kedua, pengawasan lllahi (al-raqabah al-llahiyah); ketiga, pengawasan masyarakat (al-raqabah al-mujtama); dan keempat pengawasan negara (al-raqabah al-sultan al-rasmiyah)".

Surah Ali Imran Ayat 104 merupakan substansi paling pokok tentang 13 aspek pelaksanaan Syari'at Islam, iaitu bidang Aqidah, ibadah, muamalah, akhlak, pendidikan dan dakwah islamiah/amar ma'ruf nahi mungkar, baitul mal, kemasyarakatan, syi'ar Islam, pembelaan

Islam, qadha, jinayat, munakahat dan mawaris (Perda Aceh Nomor 5, 2000). Ayat tersebut di atas secara jelas mengandung amar (perintah), agar ada sekelompok umat yang tampil untuk mengajak kepada yang baik, menganjurkan kepada yang ma'ruf dan mencegah orang dari setiap kemungkaran.

M. Quraish Shihab (1367 H) dalam tafsir *Al-Misbah* menjelaskan bahwa *Al-Khair* adalah *Al-Islam* dalam makna yang universal iaitu semua Nabi dan Rasul sepanjang zaman (*Al-Misbah* Juz IV, 1367 H). menyeru kepada *Al-Khair* bersama dengan *Amar Ma'ruf* dan *Nahi mungkar*, merupakan tingkatan dan tahapan yang harus dilaksanakan. Tingkat pertama adalah ajakan umat Islam kepada semua umat yang lain kepada *Al-Khair*, agar mereka menyertai umat ini dalam cahaya dan hidayah.

*Al-Khair* itu sendiri memiliki tiga pengertian, pertama, sesuatu yang bermanfaat bagi dirinya, kedua, bermanfaat bagi orang lain dan lingkungannya dan ketiga, diridhai Allah baik dunia dan akhirat. Kata *ma'ruf* baik dalam rangkaian kata "amar ma'ruf nahi mungkar" maupun berdiri sendiri disebutkan dalam *Al-Qur'an* sebanyak 39 kali dalam 12 surat, kata ini memiliki arti harfiah iaitu "yang dikenal" atau yang dapat dimengerti dan dapat dipahami serta dapat diterima oleh masyarakat.

Kebalikan dari kata *ma'ruf* adalah *mungkar* yakni yang dibenci karena tidak patut, tidak selayaknya dikerjakan oleh manusia berakal. Upaya penyadaran kembali hanya akan berguna bagi orang yang beriman. Karena ia sudah tau dan bersedia melalui proses pengajaran dan pendidikan. Artinya, dan tetapih memberi peringatan karena sesungguhnya peringatan akan bermanfaat bagi orang-orang yang beriman *Surat Adz-Zariyat* Ayat 51.

Dalam kehidupan bernegara, konsep pengawasan ini kemudian menjadi bagian dari sistem penegakan hukum,

pengawasan negara oleh institusi yang di buat oleh negara di gunakan untuk mengetahui sejauhmana hukum berlaku dalam masyarakat, Karena itulah, hampir di setiap negara saat ini dikenal lembaga Kepolisian dan Kejaksaan yang menjadi pengawas hukum di masyarakat.

Dalam kedudukannya sebagai lembaga pengawas tersebut, kedua lembaga ini dilibatkan dalam usaha-usaha penegakan hukum; polisi sebagai penyidik dan jaksa sebagai penuntut. Muhammad Mubarak (2001) mendefinisikan *Al-Hisbah* adalah pengawasan administrasi yang dilaksanakan oleh pemerintah dengan menugaskan pejabat khusus untuk mengawasi masalah akhlak, agama, ekonomi dan lingkungan sosial secara umum dalam rangka mewujudkan keadilan dan keutamaan yang sesuai dengan prinsip-prinsip yang terdapat dalam Syari'at Islam dan tradisi yang diakui oleh segala tempat dan zaman.

*Al-Mawardi* (2000) menyatakan bahawa tugas *al-Hisbah* selain dilaksanakan oleh pejabat rasmi yang disebut Muhtasib, juga dapat dilakukan relawan yang disebut Muttawi "hisbah juga identik dengan konsep *amar ma'ruf nahi mungkar* itu sendiri. Artinya pengawasan yang menjadi objek *al-Hisbah* adalah pelanggaran atau kelalaian yang secara nyata dilakukan dan berpotensi mengganggu ketertiban masyarakat. Terhadap perbuatan mengabaikan kebaikan dan melakukan pelanggaran yang tidak tampak, maka bukan menjadi tugas muhtasib, sebab hal itu bertentangan dengan prinsip ajaran Islam yang melarang mencari-cari kesalahan orang.

Dengan demikian jelas bahawa, sekelompok umat yang dimaksud adalah para ulama, dai, lembaga sosial yang bergerak di bidang dakwah dan Wilayatul Hisbah seperti yang sudah dilaksanakan di Aceh. Aceh merupakan provinsi pertama di Indonesia yang telah memiliki Wilayatul

Hisbah (Polis Syari'ah), Mahkamah Syari'ah dan qanun-qanun yang menyokong kepada pembangunan yang berlandaskan *Shirathal Mustaqim*.

### 6. KESIMPULAN

Pembangunan yang berlandaskan *Shirathal Mustaqim* adalah satu model pembangunan yang sangat kita dambakan agar ianya dapat diterapkan dalam negara yang penduduknya mayoriti muslim. Pembangunan yang berlandaskan *Shirathal Mustaqim* adalah sebuah model pembangunan yang bebas daripada korupsi, kolusi dan nepotisme. Teras kepada teori *shirathal mustaqim* adalah keimanan dan ketaqwaan. Ia harus dibangun atas dasar taqwa (*Ussisa Ala Taqwa*).

Sama ada dalam membangun demokrasi atau membangun fizikal bangunan. sistem demokrasi yang berakhlak, jujur, bebas daripada intimidasi dan penindasan serta tidak zalim terhadap rakyat adalah jalan menuju pencapaian teori *shirathal mustaqim*. Saya yakin *Shirathal Mustaqim* akan menjadi teori sangat kuat dalam Islam sebab ia dapat merentasi sempadan negara bangsa. *Spirit of the shirathal mustaqim* dalam qalbu umat Islam telah tertanam sejak ratusan tahun yang lalu. Inilah yang menjadi kekuatan teori *Shirathal Mustaqim* dalam pembangunan.

### DAFTAR PUSTAKA

Al-Ghazali. 1976. *Ihya Ulum Al Din*. 4 Vols. Cairo: Mu'assasa Al-Halabi wa Sharaka Lin Nash wa'l Tawzi. Terjemahan Fazlul Karim. 1982. Imam Gazali's *Ihya Ulum al Din*. Vol 4. New Delhi: Kitab Bhavan.

Al-Iman Ibnu Kasir Ad Dimasyqi. 2005. *Tafsir Ibnu Kasir*. Cetakan ke-4.

Juz. 1. Bandung: Sinar Baru Algensindo.

Al-Mawardi. 2000. *Al - Ahkam al - Sultaniyyah Wa al - Wilayah al - Diniyyah*. Bairut: Dar Al-kutub Al-ilmiyah.

Al-Quran.

Aristotle. 1979. *al-Akhlaq*. Suntingan A.R. Badawi. Kuwait: Wakala al-Matbu'at.

Auni bin Haji Abdullah. 2000. *Hisbah dan Pentabiran Negara*. Cet.I. Kuala Lumpur: IKDAS.

Baelz, Peter. 1977. *Ethics and Belief*. London: Sheldon Press.

Cohen, Carl. 1971. *Democracy*. United State of America: Universiti of Georgia Press.

Dani Saleh dan Abdul Rahman Aziz. 2003. *Azas Kefahaman Pengurusan Pembangunan*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.

Izutsu, T. 2004. *Ethico-Religious Concepts In The Qur'an*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.

M. Quraish Syihab. 1367 H. *Tafsir Al-Misbah*. Juz IV. Jakarta: Lentera Hati.

M. Quraisy Syihab, 2010. *Tafsir Al Misbah, Pesan, Kesan dan Keserasian al-Qur'an*. Cet ke-3. Jilid 1. Ciputat: Lentera Hati.

kie, J.L. 1971. *Ethics: Inventing Right And Wrong*. Great Britain: Cox & Wayman Ltd.

Maimunah Ismail. 1986. *Pengembangan Implikasi ke atas pembangunan*

## JURNAL PENCERAHAN INTELEKTUAL MUSLIM

- Masyarakat*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia.
- Manshuruddin Jabaidin Batu Bara, 2003. *Moral Kunci Pembangunan dalam Islam*. Johor: Perniagaan Jahabersa.
- Miskawayh. 1966. Tahdib al- Akhlak. Suntingan C.K. Zurayk. Beirut: American Universiti of Beirut. Terjemahan C.K. Zurayk. 1968. *The Refinement of Character*. Beirut: American Universiti of Beirut.
- Mohd Izani Mohd Zain. 2007. Islam dan Demokrasi, Cabaran Politik Muslim Kontemporari di Malaysia. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Muhammad Nasir Omar. 2010. Ethics In Islam: A Critical Survey. Dalam *The Proceedings of The International Conference on Ethics & Profesionalism. (ICEP 2010)*. Anjuran Centre For General Studies UKM & UNESCO, 1-2 Disember 2010. Hal 832-840.
- Muhammad Mubarak dan Sa'd'Abd Allah Sa'd al-'Arifi. 2001. *Al Hisbah Wa al - Siyasah Al-jina' lyyah Fi Al - mamlakah Al- arabiyah Al-Su'udiyah*, Jilid, I . Cet,I. Riyad: al-Maktabah al - Rusyd Li Al - Nasyr Wa al - Tawzi.
- Ramy, Geraint. 1969. *Political Elities*. London: George Allen and Unwin.
- Peraturan Daerah Nomor 5 Tahun 2000 Tentang Pelaksanaan Syari'at Islam, Bab IV (Aspek Pelaksanaann Syari'at Islam), Pasal 5 ayat (1) dan (2), Hal. 12
- Roger, Trigg. 2007. *Religion in Public Life: Must Faith Be Privatized?* Oxford: Oxford University Press.
- Sidgwick, H. 1968. *Outlines Of The History of Ethics*. Boston: Beacon Press.
- Syed Ahmad Hussein. 1994. *Pengantar Sains Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syeikh Abu Bakar Jabir Al-Jazairi, 2010. *Tafsir Al-Quran Al-Aisar*. Cetakan ke-3. Jilid I. Jakarta: Darus Sunnah
- Wahbah Az-Zuhaili. 2011. *Fiqh Islam Wa Adillatuhu: Jihad, Pengadilan Dan Mekanisme Mengambil Keputusan, Pemerintahan Islam*. Jilid 8. Depok: Gema Insani.
- Yusuf al-Qaradhawy, 2009. *Agama dan Politik, Wawasan Ideal Menyanggah Kekeliruan Pemikiran Sekular - liberal*. Kuala Lumpur: Alam Raya Enterprise.